

KERATAN AKHBAR

Tarikh Siaran : 24 MEI 2025 (SABTU)
Akhbar : BERITA HARIAN
Jenis Akhbar : BAHASA MELAYU
Kategori Berita/Isu : KOMENTAR
Mukasurat : 11
Tajuk : RAKYAT PERLU KESEDARAN HAK WANG TAK DITUNTUT RM13.3b

Rakyat perlu kesedaran hak wang tak dituntut RM13.3b



Oleh Nawiah Mohet
bhrencana@bh.com.my

Pengarah
Bahagian
Pengurusan Wang
Tak Dituntut
(BWTD) Jabatan
Akauntan Negara
Malaysia

Rekod terkini Wang Tak Dituntut (WTD) mencatatkan sejumlah RM17.7 bilion terkumpul, tetapi hanya RM4.4 bilion atau 25 peratus dikembalikan kepada pemiliknya. Sejumlah RM13.3 bilion masih menanti untuk dituntut oleh mereka yang berhak.

Akauntan Negara Malaysia dilantik pada 1 Jun 1975 sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965, sekali gus menjadikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab penuh dalam pengurusan WTD merangkumi penerimaan, perekodan dan penyimpanan WTD.

JANM turut menjalankan pemeriksaan terhadap syarikat dan firma untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan akta ini, selain bertanggungjawab memastikan WTD dipulangkan kepada pemilik yang sah setelah tuntutan dibuat.

Umumnya, WTD ialah wang sepatutnya dibayar oleh syarikat atau firma atau sepatutnya menjadi milik individu atau entiti, namun tidak dituntut dalam tempoh ditetapkan.

Antara sumber utama WTD ialah baki dalam akaun simpanan atau ketika tidak aktif lebih tujuh tahun, bayaran balik insurans belum dituntut,

gaji, bonus atau komisen tidak dibayar kepada pekerja dan dividen tidak ditebus pemegang saham.

Akta Wang Tak Dituntut 1965 menjadi kerangka utama mengawal selia pengurusan wang di negara ini. Bagi memastikan ia relevan dan responsif terhadap perubahan semasa, kerajaan meminda akta ini pada 2024 dengan beberapa perubahan signifikan untuk meningkatkan kecekapan dan penambahbaikan pengurusan dana negara.

Pemilik masih berhak buat tuntutan

Akta ini juga menekankan meskipun wang berkenaan sudah dipindahkan ke Akaun Hasil Kerajaan, pemilik masih berhak menuntut wang mereka. Wang itu tetap menjadi miliknya dan tiada had masa tuntutan walaupun sudah dipindahkan ke Akaun Hasil Kerajaan.

Pada 2020, portal eGUMIS diperkenalkan untuk memudahkan orang awam menyemak dan menuntut WTD secara dalam talian tanpa perlu ke pejabat kerajaan.

Bagi meningkatkan kecekapan dan keselamatan, portal itu turut diintegrasikan dengan sistem Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan bank bagi pengesahan identiti.

JANM juga bekerjasama dengan Mahkamah Tinggi untuk mempercepatkan proses pengesahan dokumen harta pusaka serta bekerjasama

dengan pihak berkuasa negeri termasuk di Sabah dan Sarawak bagi menambah baik prosedur tuntutan terutama berkaitan dokumen pewarisan di negeri terbabit.

Proses tuntutan WTD memerlukan maklumat diri dikemas kini, akaun bank aktif, salinan kad pengenalan dan penyata akaun bank jelas serta lengkap tanpa sebarang pindaan yang boleh menimbulkan keraguan.

Dokumen tambahan hanya diperlukan bagi kes tertentu seperti Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka bagi tuntutan waris atau Surat Pengesahan jika terdapat kesilapan atau percanggahan maklumat empunya WTD.

JANM tidak mengambil ringan soal keselamatan dan kesahihan dokumen. Bagi mengelakkan insiden pemalsuan dokumen, prosedur tuntutan diperketatkan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan terhadap sistem sedia ada.

Meskipun pelbagai kemudahan digital diperkenalkan, kesedaran masyarakat terhadap WTD masih menjadi cabaran utama.

Langkah proaktif diambil dengan melaksanakan sesi taklimat dan program jelajah ke seluruh negara.

Ini bertujuan memastikan rakyat lebih memahami hak dan bagaimana menuntutnya. Dari 2022 hingga 2024, sebanyak 198 reruai diadakan dengan jumlah pengunjung mencecah 91,900 orang.